



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **UCAPAN**

**YBRS EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MOMENT TALK MS 832 & MS 1017**

**2 MAC 2023**

**SHAH ALAM CONVENTION CENTRE**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani;

Yang dihormati, Sr. Nazir Muhammad Nor, Pengurus Besar Bahagian Standard dan Bahan Binaan, CIDB, En Khik Lap Fun dari Federation of Malaysian Manufacturers merangkap Pengerusi Technical Committee on Aluminium Products (NSC 04/TC 5), ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal berkaitan Aluminium Products, para pembentang kertas kerja pada hari ini dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan para peserta seminar sekalian.

1. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t saya panjatkan kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul bagi ***Moment talk berkaitan MS 832:2022 – Aluminium Alloy windows – Specification (Second revision) dan MS 1017:2022 - Aluminium framed sliding glass doors – Spesification (Second revision)*** yang diadakan pada hari ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada urusetia dan penganjur bersama, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Persatuan Industri Fasad Malaysia (PIFM) atas inisiatif yang diambil bagi menyebarkan pemahaman dan kesedaran tentang pematuhan kepada MS ini, di kalangan pemain industri binaan.

3. Saya amat mengalu-alukan kehadiran semua peserta ke sesi moment talk ini.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Terlebih dahulu, izinkan saya memperkenalkan Jabatan Standard Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang merupakan Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan. Salah satu fungsi Jabatan ini adalah untuk membangunkan standard yang relevan berdasarkan keperluan mana-mana sektor secara konsensus bagi memastikan kualiti, keselamatan rakyat, kemampanan alam sekitar serta menjamin kesejahteraan rakyat.
5. Standard pada dasarnya dibangunkan untuk memudahkan dan meningkatkan daya saing industri. Selain itu, standard juga dibangunkan bagi membantu *regulator* menguatkuasakan apa-apa peraturan ataupun akta, di mana mereka boleh membangunkan arahan ataupun prosedur sendiri dengan merujuk kepada standard yang telah tersedia.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Jawatankuasa Teknikal bagi ***Aluminium Products*** (NSC 04/TC 5) merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Jabatan Standard Malaysia membangunkan standard berkaitan produk aluminium. Jawatankuasa teknikal ini bertanggungjawab meneliti dan mencadangkan penambahbaikan dokumen MS 832 dan MS 1017. Jawatankuasa Teknikal ini menghimpunkan pakar-pakar di dalam bidang teknikal dan keahliannya adalah secara sukarela.

7. Untuk makluman para hadirin sekalian, sehingga kini Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan sebanyak **4710 Malaysian Standard** dan antara standard kebangsaan yang telah dibangunkan di bawah jawatankuasa teknikal ini adalah :

8.1 ***MS 832:2022 – Aluminium Alloy windows – Specification (Second revision)***;dan

8.2 ***MS 1017:2022 - Aluminium framed sliding glass doors – Specification (Second revision)***

8. Kedua-dua standard ini merupakan semakan kedua dan telah diluluskan oleh YB Menteri MITI pada **6 Oktober 2022**. **Adalah diharap, dokumen MS ini dapat** memberi panduan kepada industri produk aluminium, khususnya kepada pembekal bahan binaan, peralatan, makmal pengujian, jururunding (*consultant*), jurutera dan kontraktor.

**Para hadirin sekalian,**

9. Sesi *moment talk* amat penting kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri aluminium. Tuan/Puan perlu mengetahui impak pelaksanaan kedua-dua MS ini yang akan diterangkan oleh para pembentang nanti.

10. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar Tuan/Puan yang hadir pada hari ini dapat meningkatkan pengetahuan dan mendapat manfaat daripada sesi *moment talk* hari ini. Semoga platform ini dapat digunakan sepenuhnya sebagai peluang serta ruang interaksi bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi diri Tuan/Puan sekalian.
  
11. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan ***Moment talk MS 832:2022 – Aluminium Alloy windows – Specification (Second revision) dan MS 1017:2022 - Aluminium framed sliding glass doors – Spesification (Second revision)*** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.